

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, February 19, 2020 8:32 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Peluang Warga Kampus Bida Plat Eksklusif UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 FEBRUARI 2020 / 25 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Samsudin Oli Mohamed

PELUANG WARGA KAMPUS BIDA PLAT EKSKLUSIF UUM



UUM ONLINE: Warga UUM kini sudah boleh merebut peluang membuat bidaan secara atas talian nombor plat eksklusif UUM mulai 16 Februari lalu bermula jam 4.16 petang sehingga 1 Mac depan jam 4.16 petang.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, matlamat inisiatif ini adalah untuk memberi peluang kepada staf UUM, alumni, komuniti dan orang awam dalam menzhahirkan kebersamaan dengan universiti yang dicintai ini, di samping menjana pendapatan universiti.

Menurutnya, bidaan atas talian boleh dibuat di laman sesawang <https://uumplate.uum.edu.my> dan setiap pembida perlu mendaftar serta merujuk panduan untuk membida yang telah disediakan.

"Secara umumnya terdapat lima (5) kategori nombor pendaftaran dengan nilai minimum bidaan yang berbeza mengikut kategori iaitu Utama, Menarik, Popular, Popular (UUM) dan Biasa dari harga bidaan serendah RM500 sahaja.

"Saya berharap alumni UUM khususnya juga tidak melepaskan peluang memiliki nombor pendaftaran khas 'UUM' ini dan seterusnya menjadi sebahagian daripada penyumbang universiti kerana hasil pendapatannya akan digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan universiti," katanya selepas Pelancaran Sistem Bidaan Nombor Plat Eksklusif UUM di Dewan Mu'adzam Shah, baru-baru ini.

Bagi pembida yang berjaya, universiti turut menawarkan beberapa insentif menarik seperti yuran masuk keahlian percuma Kelab Golf & Rekreasi UUM bernilai sehingga RM5,000 kepada pembida yang berjaya dengan nilai bidaan RM20,000 dan ke atas serta yuran keahlian seumur hidup percuma Persatuan Alumni UUM kepada alumni yang berjaya dengan nilai bidaan minimum RM1,000 untuk mana-mana kategori.

Dengan pelancaran nombor plat eksklusif ini, UUM menjadi Universiti Awam ketiga yang membuka pelawaan bidaan nombor pendaftaran khas tersebut.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.